

NO. SOALAN: 115

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 8992

SOALAN:

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membanteras kes-kes bunuh di tempat awam yang melibatkan penggunaan senjata api dan mengikut rekod, bagaimanakah penjenayah-penjenayah ini boleh memiliki senjata api tanpa lesen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini.

Statistik kes pembunuhan dan cubaan membunuh yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

Tahun	2013	2014	2015	2016 (Jan-April)
Bunuh	93	39	40	8
Cuba Bunuh	53	43	50	7
JUMLAH	146	82	90	15

Hasil daripada soal siasat dan risikan yang dijalankan oleh pihak polis, faktor yang mendorong pemilikan senjata api haram oleh penjenayah seperti berikut:-

- i) Kaedah penyeludupan senjata api telah berubah daripada penyeludupan secara lengkap kini dengan menyeludup secara "*pieces by pieces*" ke dalam negara ini dan dipasang semula dalam negara. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan aktiviti berkenaan terutama senjata api bersaiz kecil seperti pistol dan revolver walaupun kita mempunyai kawalan yang ketat di pintu-pintu masuk dan kawasan di sempadan. Pihak polis perlu mendapatkan maklumat dan risikan yang tepat bagi mengesan senjata api berkenaan. Keadaan ini memudahkan senjata api mudah dibawa masuk ke dalam negara.**
- ii) Terdapat senjata api haram yang terapung di dalam negara yang disembunyikan oleh penjenayah-penjenayah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (EO) dahulu, atau yang telah bebas dari penjara dan telah digunakan semula oleh penjenayah berkenaan.**
- iii) Senjata api terpakai dari luar negara yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan boleh meningkatkan keupayaan penjenayah membeli senjata api**

berkenaan. Di samping itu, aktiviti pengedaran dadah dalam kuantiti yang tertentu secara "pakej" akan diberikan senjata api atau bom tangan sebagai pelindung kepada sindiket.

- iv) Terdapat aktiviti pembunuh upahan yang menyebabkan senjata api mendapat permintaan yang tinggi dan menarik minat sindiket menyeludup senjata api ke dalam negara.

Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan menggabungkan agensi-agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Tembakau dan Kenaf supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman dari anasir luar dan juga aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.